

**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN
KEPIMPINAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA KINABALU
DAN PENAMPANG**

LENNY TRIANI BINTI KUSNIN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

Julai 2009

PT 2006 8467

LENNY TRIANI BT KUSNIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DENGAN KEPIMPINAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA KINABALU DAN PENAMPANG.

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : LENNY TRIANI BINTI KUSNIN

SESI PENGAJIAN : 2006/2008

Mengaku membenarkan tesis ini (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐ SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).


☐ TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

☐ TIDAK TERHAD


(LENNY TRIANI BT KUSNIN)


JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh


(DR SABARIAH SHARIF)

Alamat Tetap :
N

Tarikh :

Tarikh :

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya akhirnya disertasi ini berjaya disempurnakan. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Sabariah Bt. Sharif di atas bimbingan, tunjuk ajar dan panduan yang telah diberikan sepanjang dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Lay Yoon Fah selaku penyelaras program kerana turut memberikan sokongan dan tunjuk ajar. Penghargaan juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Salleh Bin Abdul Rashid kerana pernah membimbing saya dalam program ini.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada ibu bapa dan adik-beradik di atas sokongan, doa, pengorbanan dan kasih-sayang tanpa jemu yang telah diberikan.

Terima Kasih.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dan kepimpinan dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu dan Penampang. Seramai 64 orang responden dari 28 buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu dan Penampang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kaedah kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik dibina berdasarkan kepada Model Kecerdasan Emosi oleh Goleman (2002) yang terbahagi kepada dua kompetensi kecerdasan emosi iaitu kompetensi personal (kesedaran sendiri, pengurusan kawalan sendiri dan motivasi sendiri) serta kompetensi sosial (kesedaran sosial/empati dan kemahiran sosial). Manakala Model Kepimpinan Hay/McBer oleh Goleman (2000) yang mengemukakan enam gaya kepimpinan iaitu gaya kepimpinan paksaan, kuasa, afiliasi, demokrasi, memandu dan melatih digunakan dalam kajian ini. Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti mencari kekerapan, peratus, min, ujian ANOVA Satu-Hala dan korelasi Pearson. ANOVA Satu-Hala digunakan untuk mencari perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan umur, perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan pengalaman bertugas, dan perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan gaya kepimpinan. Pekali Pearson digunakan untuk mencari hubungan kecerdasan emosi dengan kepimpinan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan [$F(4,59)=1.215, p>0.05$] kecerdasan emosi berdasarkan umur. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan [$F(4,59)=2.003, p>0.05$] kecerdasan emosi berdasarkan pengalaman bertugas. Dapatan ujian ANOVA Satu-Hala seterusnya menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kecerdasan emosi berdasarkan gaya kepimpinan guru dimana terdapat kecerdasan emosi dicatatkan dalam kalangan guru yang mengamalkan gaya kepimpinan demokrasi ($M=4.16, SP=.32$), gaya kepimpinan melatih ($M=4.15, SP=.42$) dan gaya kepimpinan afiliasi ($M=4.13, SP=.14$). Pekali korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan gaya kepimpinan demokrasi ($r=.426, p<0.05$) dan gaya kepimpinan melatih ($r=.383, p<0.05$) guru Bimbingan dan Kaunseling. Pengkaji mencadangkan kajian ini diperluaskan kepada semua guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah dan sekolah rendah dan melibatkan populasi yang lebih luas. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan agar pihak sekolah mengambil kira aspek kepimpinan guru iaitu dengan mewajibkan semua guru mengikuti pelbagai kursus kepimpinan dan menjawab pelbagai soalan inventori gaya kepimpinan dari semasa ke semasa. Dicapangkan juga agar aspek kecerdasan emosi di ambil kira sebelum calon pelajar atau pelatih mengambil sebarang kursus terutamanya yang berkaitan dengan pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di Institut Pengajian Tinggi atau Institut Pendidikan Guru. Akhir sekali, kajian ini turut mencadangkan agar lebih banyak kajian berkenaan kecerdasan emosi dan kepimpinan dijalankan ke atas semua guru.

ABSTRACT

Relationship Between Emotional Intelligence and Leadership of Counselling and Guidance Teachers in Secondary Schools in Kota Kinabalu and Penampang District

The aim of this study is to determine the relationship between Emotional Intelligence and leadership of Counselling and Guidance teachers in secondary school in Kota Kinabalu and Penampang district. This study involved 64 respondents from 28 secondary schools. Survey methodology was used by distributing questionnaire. The Emotional Intelligence Models by Goleman (2002) and the Hay/McBer Leadership Models also by Goleman (2000) was used in this study. For the purpose of analyzing data, descriptive and inferential statistics were used such as percentages, frequency, mean, One-Way ANOVA and Pearson. One-Way ANOVA was used to determine the significant differences between the Emotional Intelligence according to their ages, differences between the Emotional Intelligence according to their teaching experiences and the differences between the Emotional Intelligence according to their leadership style. Pearson test was used to find the relationship between Emotional Intelligence and leadership. The finding shows that there is no significant differences of Emotional Intelligence according to their ages [$F(4,59)=1.215, p>0.05$]. The finding also shows that there is no significant differences of Emotional Intelligence according to their teaching experiences. One-Way ANOVA shows that there are significant differences of Emotional Intelligence according to their leadership style which is there are Emotional Intelligence was shown by teachers who are used democratic leadership style ($M=4.16, SP=.32$), coaching style ($M=4.15, SP=.42$) and affiliative style ($M=4.13, SP=.14$). Pearson test shows that there are significant relationship between Emotional Intelligence and democratic leadership style ($r=.426, p<0.05$) and coaching leadership style ($r=.383, p<0.05$). The researcher propose that all the teachers in secondary and primary school should be involved in this study. It also proposed that all the teachers must be involved in any leadership courses and any leadership style inventory. It also proposed that Emotional Intelligence must be identify before the students taking any courses especially the education in Guidance and Counseling courses in Higher Education. Finally the researcher also proposed that the study about Emotional Intelligence will applied to the other teachers.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-xi
SENARAI JADUAL	xii-xiv
SENARAI RAJAH	xv
LAMPIRAN	xvi
SINGKATAN	xvii

BAB 1

PENDAHULUAN

Muka surat

1.1 Pengenalan.	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Soalan Kajian	12
1.5 Tujuan Kajian	13
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Hipotesis Kajian.	13
1.8 Definisi Operasional.	
1.8.1 Kecerdasan Emosi.	14
1.8.2 Kepimpinan.	14
1.8.3 Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.	15
1.9 Signifikan Kajian.	15
1.10 Limitasi Kajian.	16

2.1 Pendahuluan.	17
2.2 Definisi Konseptual.	
2.2.1 Kecerdasan.	18
2.2.2 Emosi.	19
2.2.3 Kecerdasan Emosi	20
2.2.4 Kompetensi Kecerdasan Emosi	22
2.2.5 Kepimpinan dan Gaya Kepimpinan.	22
2.3 Domain Kecerdasan Emosi.	25
2.3.1 Elemen Kecerdasan Emosi.	26
2.3.2 Pengukuran Kecerdasan Emosi.	27
2.3.3 Kepentingan Kecerdasan Emosi.	27
2.3.4 Konsep dan Peranan Kecerdasan Emosi dalam Kepimpinan.	29
2.4 Trait Kepimpinan	30
2.4.1 Peranan Kepimpinan Guru dalam Menjana Kecerdasan Emosi	31
2.4.2 Jenis-jenis Kecerdasan Pemimpin	32
2.5 Bimbingan dan Kaunseling.	33
2.5.1 Personel Bimbingan dan Kaunseling.	35
2.6 Teori-teori Kecerdasan dan Kepimpinan.	
2.6.1 Teori Kecerdasan.	
2.6.1.1 Teori Pelbagai Kecerdasan.	37
2.6.1.2 Teori kecerdasan Triachic Sternberg	40
2.6.1.3 Teori "Primary Mental Abilities"	40
2.6.2 Teori Kepimpinan	
2.6.2.1 Teori Kepimpinan Situasi.	41
2.6.2.2 Teori Kepimpinan Kontigensi	43
2.6.2.3 Teori Path-Goal atau Jalan ke Matlamat.	43
2.6.2.4 Teori Perhubungan Manusia.	44
2.6.2.5 Teori Kepemimpinan Karisma.	46

2.6.2.6 Teori Kepimpinan Secara Bersama, Delegasi dan Pemberian Kuasa.	47
2.6.2.7 Teori Kepimpinan Transformasi.	47
2.7 Model Kecerdasan Emosi dan Model Kepimpinan	
2.7.1 Model Kecerdasan Emosi	
2.7.1.1 Model Goleman & Boyatzis. (ECI Emotional Competency Inventory)	48
2.7.1.2 Model Kecerdasan Emosi Goleman (2002).	50
2.7.2 Model Kepimpinan	
2.7.2.1 Model Kepimpinan Hay/McBer.	51
i) Gaya Kepimpinan Paksaan (The Coercive Style).	52
ii) Gaya Kepimpinan Kuasa (Authoritative Style).	53
iii) Gaya Kepimpinan Afiliasi (Affiliative Style).	53
iv) Gaya Kepimpinan Demokrasi (Democratic Style).	54
v) Gaya Kepimpinan Pemandu (Pacesetting Style).	54
vi) Gaya Melatih (Coaching Style).	55
2.8 Kajian-kajian Lepas.	56
2.9 Teoritikal / Konseptual / Kerangka.	61
2.10 Kesimpulan.	62

BAB 3	METODOLOGI	Muka surat
	3.1 Pendahuluan.	63
	3.2 Pendekatan Kajian.	63
	3.3 Rekabentuk Kajian.	63
	3.4 Populasi dan Sampel.	
	3.4.1 Populasi Kajian	65
	3.4.2 Persampelan	66
	3.5 Instrumen Kajian.	66
	3.6 Pengumpulan Data.	68
	3.7 Analisis Data.	
	3.7.1 Analisis Korelasi Pearson	71
	3.7.2 Ujian ANOVA Satu Hala (One Way ANOVA)	72
	3.8 Kajian Rintis	75
	3.9 Kesimpulan.	77
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	Muka surat
	4.1 Pengenalan	78
	4.2 Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	79
	4.3 Demografi Responden	80
	4.4 Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	81-86
	4.5 Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	87-93
	4.6 Perbezaan Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Berdasarkan Umur dan Pengalaman Mengajar	94
	4.7 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	96

4.8 Rumusan Dapatan Kajian	97
4.9 Kesimpulan	100

BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	Muka surat
--------------	---	-------------------

5.1 Pengenalan	101
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	101
5.2.1 Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling.	102
5.2.2 Ciri Demografi Responden	105
5.2.3 Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Penampang.	106
5.2.4 Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Penampang.	109
5.2.5 Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Ciri Demografi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Penampang.	113
5.2.6 Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling.	114
5.3 Rumusan	115
5.4 Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang.	120

BIBLIOGRAFI	122
--------------------	-----

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 3.1 :	Taburan Responden	66
Jadual 3.2 :	Jadual Taburan Instrumen Kajian	68
Jadual 3.3 :	Jadual Prosedur Pengumpulan Data	70
Jadual 3.4 :	Skor Pekali Korelasi Pearson	72
Jadual 3.5 :	Intepretasi Tahap Berdasarkan Skor Min	73
Jadual 3.6 :	Definisi Operasi Gaya Kepimpinan	73
Jadual 3.7 :	Jadual Analisis Statistik Pengujian Hipotesis	74
Jadual 3.8 :	Jadual Ujian Kebolehpercayaan	76
Jadual 4.1 :	Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	79
Jadual 4.2 :	Demografi Responden	80
Jadual 4.3 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah terhadap Item Kecerdasan Emosi (Komponen Kesedaran Kendiri)	81
Jadual 4.4 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Kecerdasan Emosi (Komponen Kawalan Kendiri)	82
Jadual 4.5 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Kecerdasan Emosi (Komponen Motivasi Kendiri)	83
Jadual 4.6 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Kecerdasan Emosi (Komponen Kesedaran Sosial / Empati)	84

Jadual 4.7 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Kecerdasan Emosi (Komponen Kemahiran Sosial)	85
Jadual 4.8 :	Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah.	86
Jadual 4.9 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Paksaan	87
Jadual 4.10 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Kuasa	88
Jadual 4.11 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Afiliasi	89
Jadual 4.12 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Demokrasi	90
Jadual 4.13 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Memandu	91
Jadual 4.14 :	Taburan Respon Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Terhadap Item Gaya Kepimpinan Melatih	92
Jadual 4.15 :	Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	93
Jadual 4.16 :	Perbezaan Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah berdasarkan Umur	94
Jadual 4.17 :	Perbezaan Kecerdasan Emosi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah berdasarkan Pengalaman Bertugas	95
Jadual 4.18:	Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Gaya Kepimpinan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah	96

Jadual 4.19 : Rumusan Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Kepimpinan	97
Jadual 4.20 : Ringkasan Daripada Hasil Dapatan Kecerdasan Emosi Responden	98
Jadual 4.21 : Ringkasan Daripada Hasil Dapatan Gaya kepimpinan Responden	98
Jadual 4.22 : Ringkasan Daripada Hasil Dapatan Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Umur	99
Jadual 4.23 : Ringkasan Daripada Hasil Dapatan Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Pengalaman Bertugas	99
Jadual 4.24 : Ringkasan Daripada Hasil Dapatan Perbezaan Kecerdasan Emosi berdasarkan Gaya Kepimpinan Responden	100



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1 :	Jenis-jenis Kecerdasan Emosi Pemimpin	33
Rajah 2.2 :	Kerangka Teori Kecerdasan Triachic Sternberg	40
Rajah 2.3 :	Kerangka Teori Perhubungan Manusia	45
Rajah 2.4 :	Kerangka Model Goleman & Boyatzis (ECI Emotional Competency Inventory)	49
Rajah 2.5 :	Kerangka Model Kecerdasan Emosi Goleman (2002)	50
Rajah 2.6 :	Kerangka Kompetensi Kecerdasan Emosi	51
Rajah 2.7 :	Kerangka Konsep Kajian	62



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LAMPIRAN

- Lampiran A : Borang soal selidik
- Lampiran B : Kebolehpercayaan kajian rintis
- Lampiran C : Penentuan saiz sampel (Krejcie & Morgan)
- Lampiran D : Salinan Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Lampiran E : Salinan Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.
- Lampiran F : Salinan Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Bagi Pelajar Program Pengajian Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Pendidikan di Malaysia adalah satu proses yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap nilai dan gaya hidup seseorang warganegara (Mohd. Kamal, 1988) dalam Salema Ahmad (2006). Hal ini dianggap sebagai satu mekanisme yang penting bagi pembangunan individu, masyarakat dan negara.

Sebahagian besar pelajar di Malaysia telah melalui proses pengajaran dan pembelajaran akademik serta kokurikulum seterusnya berpeluang memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu; termasuklah pendidikan moral, kerohanian, emosi, sosial dan jasmani. Ini bermakna sekiranya pelajar-pelajar yang melalui proses pendidikan di sekolah dengan berkesan dan terdidik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial maka apa yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) akan menjadi kenyataan.

Pelajar sekolah menengah sebenarnya sedang mengalami proses perkembangan jasmani, mental, rohani, emosi dan sosial. Sebagai individu yang menginjak alam remaja, mereka perlu menyesuaikan diri dengan peranan serta tanggungjawab baru dan sangat memerlukan bimbingan serta teguran orang dewasa di dalam menempuhi zaman yang sukar ini. Menurut Muhd. Mansur (1994) dalam Salema Ahmad (2006), para remaja merupakan golongan yang memerlukan satu tempat rujukan supaya dapat membantu mereka menghadapi masalah-masalah yang dihadapinya. Oleh yang demikian, personal yang boleh menjadi rujukan untuk para pelajar ialah guru. Adalah menjadi satu kepentingan untuk setiap guru menggunakan pelbagai kemahiran dan pendekatan

dalam mendekati pelajar dan salah satu aspek yang paling penting bagi guru ialah memperlengkapkan diri dengan kecerdasan emosi.

Kecerdasan emosi (EQ) ialah suatu kompetensi yang membuat seseorang menjadi pintar menggunakan emosi kerana kecerdasan ini berupaya menyediakan pemahaman yang lebih mendalam dan lebih utuh tentang diri sendiri dan orang lain (Howes dan Herald, 1999) dalam Khairil (2002). Apabila kita mempunyai kemampuan mengenalpasti emosi diri sendiri dan orang lain maka kita dikatakan memiliki kecerdasan emosi (Luthans, 2002).

Apabila kita mempunyai kebolehan untuk menyedari, memproses, memahami dan mengurus emosi dalam diri sendiri dan orang lain, kita dikatakan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi (Ashkanasy, 2002). Goleman (1998) menyatakan bahawa kecerdasan emosi menentukan potensi pembelajaran melalui kemahiran praktikal yang berlandaskan kepada lima dimensi iaitu mengenali emosi sendiri (kesedaran sendiri), mengendali emosi (kawalan sendiri), motivasi diri (motivasi sendiri), mengenali emosi orang lain (empati) dan membina hubungan dengan orang lain (kemahiran sosial).

Kecerdasan emosi menuntut diri untuk belajar mengakui dan menghargai perasaan diri sendiri dan orang lain serta untuk menanggapi dengan tepat, menerapkan tenaga emosi dengan efektif dalam kehidupan dan pekerjaan seharian. Kecerdasan emosi menyediakan pemahaman yang lebih mendalam dan lebih utuh tentang diri sendiri dan orang lain. Kecerdasan emosi dapat dilihat apabila individu mampu memberikan kesan yang baik tentang dirinya, mampu mengungkapkan dengan baik emosinya sendiri, berusaha menyamaratakan diri dengan lingkungan, dapat mengendalikan perasaan dan mampu mengungkapkan reaksi emosi sesuai dengan waktu dan kondisi yang ada sehingga interaksi dengan orang lain mampu terjalin dengan lancar dan efektif.

Justeru, setiap individu terutamanya guru perlu menerapkan aspek EQ di dalam diri. Personal yang paling banyak berurusan dengan psikologi dan personaliti manusia ialah guru Bimbingan dan Kaunseling (B&K) di mana ia perlu berurusan dengan pelajar,

staf dan ibu bapa untuk membimbing mereka mendapat celik akal kepada penyelesaian setiap masalah. Hal ini menuntut kepimpinan guru B&K dalam menjana emosi diri sendiri seterusnya berinteraksi dan berempati dengan orang lain. Lawn (2001) menyatakan bahawa kepimpinan akan menentukan kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi. Dalam organisasi sekolah, kepimpinan seharusnya mempunyai 'kuasa kepakaran' dalam bidang-bidang tertentu dalam semua aspek seperti pengajaran dan pembelajaran, psikologi, bimbingan dan rundingcara, komunikasi, hubungan sesama manusia, pengurusan dan pentadbiran.

Rohaty Mohd. Majzub (1998) dalam Salema Ahmad (2006) menyatakan selain daripada ibu bapa di rumah guru di sekolah merupakan orang dewasa paling rapat dengan pelajar dan dapat memberikan pandangan serta pengalaman mereka kepada pelajar yang ingin mengatasi sesuatu masalah sama ada masalah pembelajaran atau masalah peribadi. Ee Ah Meng (1995) dalam Salema Ahmad (2006) menjelaskan konsep pendidikan yang menyatakan bahawa semua guru termasuklah guru Bimbingan dan Kaunseling sebenarnya adalah 'kaunselor', merupakan satu aset penting untuk pelajar mendapat Bimbingan dan Kaunseling yang sempurna. Hal ini selaras dengan kenyataan dalam Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling:

Kaunselor di sekolah dapat membantu para pelajar dengan cara memberikan proses pendidikan yang terancang dan berterusan. Pelajar-pelajar dibimbing untuk memperoleh pengalaman, nilai, sikap dan perlakuan serta kemahiran yang sesuai dengan kehendak masyarakat majmuk di Malaysia. Setiap aktiviti yang dijalankan bertujuan memberi pengetahuan dan kesepaduan psikososial pelajar-pelajar, kerana pelajar bukanlah manusia kognitif semata-mata sebaliknya mereka mempunyai perasaan, sikap, mental dan rohani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993) dalam Salema Ahmad (2006).

Antara ciri-ciri diri individu yang diperlukan oleh sesebuah organisasi (dalam A.J Michael, 2006) ialah :

1. Kemahiran mendengar serta berkomunikasi verbal.
2. Respon yang inovatif serta kreatif dalam menangani halangan dan kegagalan.
3. Urus diri dengan baik, berkeyakinan diri, motivasi kerja, perasaan bangga diri terhadap pencapaian.
4. Keberkesanan dalam kerja-kerja berpasukan, kemahiran interpersonal dan kebolehan menangani ketidaksetujuan atau perselisihan faham.
5. Keberkesanan dalam organisasi, menyumbang kepada organisasi serta mempunyai potensi kepimpinan.

Secara kesimpulannya, ciri-ciri diri tersebut banyak berkait rapat pada emosi seseorang. Hal yang memainkan peranan penting dan sering dikaitkan dengan kecerdasan emosi ialah kepimpinan. Kecerdasan emosi dilihat mempunyai hubungan dengan kepimpinan seseorang individu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu dan Penampang yang mana melibatkan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GKSM) sebagai responden.

1.3 Pernyataan Masalah

Kejayaan diri seseorang individu tidak mungkin dapat dimiliki sepenuhnya dengan hanya berlandaskan Kecerdasan Intelektual (IQ) semata-mata apatah lagi dalam dunia yang kian mencabar ini (Goleman, 1996). Menurut Goleman, IQ hanya sebahagian kecil sahaja dalam proses pemikiran dan ini disokong oleh Hewitt-Gleeson (1995) dalam Salema Ahmad (2006) yang memberi peringatan berkenaan bahayanya tanggapan yang mengatakan bahawa IQ adalah suatu kecerdasan yang terpenting dalam mentafsir kejayaan hidup seseorang.

Menurut Mohd. Asri (1999), dalam Salema Ahmad (2006) tahap peningkatan gejala keruntuhan nilai sosial semakin berleluasa pada akhir tahun 1980an sehinggalah ke hari ini dan hal tersebut amat membimbangkan serta memeranjatkan semua pihak seperti ahli politik, para sarjana dan akademik, para ulama agama dan pendidik, aktivis dan keseluruhan masyarakat umum di negara ini. Hal ini menunjukkan betapa gejala keruntuhan moral semakin membimbangkan dan menuntut komitmen para guru terutamanya guru Bimbingan dan Kaunseling. Dengan jumlah guru disiplin dan kaunselor yang kecil tentu sukar untuk melaksanakan tanggungjawab menangani disiplin pelajar. Andai saja guru Bimbingan dan Kaunseling tidak mempunyai kestabilan emosi yang baik, sudah tentu guru terbabit akan dibelenggu dengan tekanan dan tidak dapat menonjolkan kepimpinan yang baik.

Hampir setiap hari ada sahaja masalah disiplin yang membabitkan pelajar sekolah dilaporkan. Sehubungan dengan itu, kredibiliti guru dipertikaikan kerana gagal membentuk disiplin dan sahsiah pelajar. Pihak yang paling teruk menerima kritikan ialah guru kaunseling selain daripada guru disiplin yang dikatakan mampu mencorakkan imej positif dan menyelesaikan masalah sahsiah pelajar. Statistik Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dalam Ruhaiza mendapati pembabitan pelajar sekolah dalam kes jenayah semakin serius. Tindak tanduk pelajar yang sukar dijangka memerlukan guru terutamanya guru Bimbingan dan Kaunseling perlu bijak menggunakan pendekatan tertentu, mendengar setiap masalah pelajar tanpa prejudis, dan membina rasa kepercayaan. Setiap guru Bimbingan dan Kaunseling seharusnya memikul tuntutan itu dengan fikiran yang rasional dan sekali lagi hal yang dianggap paling penting ialah kecerdasan emosi guru terbabit agar daya kepimpinan efektif dapat ditonjolkan.

Banyak laporan yang mengatakan bahawa ramai guru dibelenggu tekanan (stres) di mana terdapat juga berlaku kes seperti mereka membunuh diri akibat tekanan dari pelbagai sudut yang mungkin datang dari pentadbir, pelajar, ibu bapa, muatan kerja yang berlebihan dan dunia pendidikan yang berkembang dengan pesat. (A.J. Michael, 2006). Presiden Kesatuan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyatakan kebimbangannya jika perkara tersebut tidak diambil peduli akan menyebabkan guru-guru tersebut menghadapi tekanan yang lebih besar seperti masalah mental. Contohnya kejadian yang

menimpa seorang guru dari Bukit Semanggol, Perak yang kini menghadapi masalah mental yang serius berpunca dari tekanan kerja setelah diarah untuk bertukar tempat kerja (Marzita Abdullah). Penyelidikan telah menunjukkan bahawa guru-guru seperti ini memerlukan kekuatan iaitu kebolehan mengurus atau menangani emosi yang negatif dengan cara yang sihat dan berkesan. Seseorang guru yang ceria, penyayang dan pendek kata mempunyai emosi yang sihat akan menghasilkan daya kepimpinan yang efektif seterusnya menghasilkan pelajar yang berjaya. Individu tidak mungkin dapat berfungsi dengan berkesan jika ia dalam keadaan yang tertekan (Smith, 1993; Girdano et al. 1993 dalam Arenawati et al. 2009).

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengendalikan 105 program peningkatan kemahiran dan kesedaran berhubung dengan masalah kemanusiaan dalam organisasi seperti pengurusan konflik, kemarahan, ketegangan (stres), perhubungan interpersonal, kepimpinan dan ketahanan sendiri (dalam A.J Michael, 2006). Menyedari hakikat kepentingan kaunselor dalam membantu menjaga tahap kestabilan emosi, maka JPA juga terus berusaha mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran kaunselor dengan mengadakan sesi percambahan fikiran, seminar dan dialog, mempertingkatkan kemahiran dan proses 'tukar-tunjuk' untuk kaunselor yang berkhidmat di Pusat-pusat Serenti, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan kaunselor di jabatan-jabatan lain. JPA juga turut memperkenalkan Program Kesihatan Psikologikal untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan anggota Perkhidmatan Awam berkenaan kepentingan pengetahuan kesihatan psikologikal dan fizikal (A.J Michael, 2006). Hal ini memperlihatkan betapa kerajaan amat menitikberatkan kepentingan kesihatan emosi dalam kalangan pekerja awam. Justeru, kaunselor atau guru Bimbingan dan Kaunseling perlu memperlengkapkan diri dengan kemahiran kecerdasan emosi yang tinggi supaya mampu untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran mengurus emosi orang lain.

Tahun 1996 merupakan satu anjakan paradigma di mana personel Bimbingan dan Kaunseling perlu bangkit dan mempersiapkan diri untuk memenuhi tuntutan komitmen yang tinggi. Setiap personel yang terlibat perlu menjadikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sebagai salah satu komponen pendidikan yang bestari dan komprehensif. Persoalan yang akan timbul ialah adakah mampu seseorang personel

ataupun mana-mana individu yang ingin memberikan khidmat bantu ataupun menjalankan intervensi kaunseling tanpa memiliki pengetahuan atau pendekatan serta teori kaunseling dan psikologi manusia. Maka tanggungjawab personel yang terbabit ialah untuk melengkapkan diri dengan kemahiran tersebut untuk membolehkan mereka memberikan khidmat ataupun menjalankan intervensi secara profesional dan efektif.

Berasaskan senarai tugas yang telah diedarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1996), ternyata guru B&K adalah golongan yang sangat sesuai untuk dipertanggungjawabkan dalam usaha menangani masalah moral dan akhlak pelajar. Diandaikan sekiranya semua guru B&K sekolah berpeluang menyempurnakan tugasnya dengan bijak maka kejadian salah laku pelajar akan dapat dibendung.

Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dikatakan sangat relevan untuk menjadi *role-model* yang boleh menunjukkan sifat-sifat terpuji kepada pelajar, terutamanya dalam usaha memupuk amalan dan penghayatan nilai murni di kalangan pelajar sekolah (Taifor, 2001) dalam Salema Ahmad (2006). Guru Bimbingan dan Kaunseling juga adalah berperanan sebagai fasilitator. Mereka seharusnya berkemampuan membimbing dengan bertindak sebagai pendidik, kaunselor dan mentor untuk memupuk dan menerapkan nilai murni, kemahiran pengurusan diri dan pembelajaran, serta menjadi penjana minda bagi melahirkan pelajar berfikiran kritis dan kreatif (Salhah Abdullah, 2006) dalam Salema Ahmad (2006).

Dalam banyak aspek Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah menawarkan pelbagai bentuk perkhidmatan untuk membantu para pelajar, namun tidak ramai yang tampil untuk mendapatkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Tan Bee Chu (1983), Tan Juat Ngoh (1989) dan Vimala Devi (1996) dalam Salema Ahmad (2006) mendapati pelajar sekolah enggan mendapatkan khidmat guru Bimbingan dan Kaunseling. Antara sebabnya mereka merasa tidak perlu untuk menerima bantuan, amalan membangkang bagi mereka adalah suatu perkara biasa; mereka juga lebih suka mengekalkan situasi lama, kurang pengetahuan tentang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, merasa bimbang guru Bimbingan dan Kaunseling akan mendedahkan masalah mereka, guru Bimbingan dan Kaunseling sangat sibuk dan tiada di bilik kaunseling, pelajar belum biasa dengan fenomena membincangkan masalah dengan

guru Bimbingan dan Kaunseling dan pelajar lebih suka menyelesaikan masalah sendiri ataupun mendapatkan bantuan rakan-rakan sekolah. Hal ini menunjukkan pelajar masih belum jelas tentang fungsi ataupun langsung tidak menyedari kewujudan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dan hal ini sekaligus menunjukkan kegagalan kepimpinan guru Bimbingan dan Kaunseling untuk menjalankan fungsinya.

Berdasarkan kajian Devikamani (1983) dalam Salema Ahmad (2006) dikatakan untuk selama tujuh belas tahun (1966 hingga 1983), pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling masih berada di tahap *rudimentary* kerana tanggungjawab melaksanakan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling sebahagian besarnya terletak kepada guru Bimbingan dan Kaunseling sahaja. Di samping itu, wujud ketidaksungguhan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling dalam pelaksanaan tugasnya dan keterbatasan perkhidmatan yang lebih bertumpukan kepada Bimbingan Kerjaya sahaja. Dengan itu timbul pelbagai tanggapan guru-guru dan pentadbir sekolah bahawa Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah sesuatu yang kurang penting dan mudah, serta mampu dilaksanakan oleh semua orang. Oleh itu guru Bimbingan dan Kaunseling tidak mendapat sokongan dalam usaha untuk mengembangkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Perubahan dalam sekolah berlaku apabila guru bekerja dengan tenang dan bersungguh-sungguh kerana keselamatan mereka terjamin dimana pelajar juga akan merasai perubahan dalam kepimpinan sekolah yang berlaku. Guru yang menunjukkan emosi yang positif akan melahirkan pelajar yang bermotivasi tinggi, kreatif, efisien dan bekerjasama. Peniruan adalah salah satu cara belajar yang berkesan dalam proses menjana keseimbangan emosi. Dengan adanya guru sebagai pemimpin dan model bagi pelajar maka aspek pembelajaran serta komunikasi akan berlaku dengan lebih mudah.

Peranan kaunselor dalam organisasi sekolah tidak kurang pentingnya. Dewasa ini, fungsi Unit Bimbingan dan Kaunseling tidak boleh dianggap remeh. Personal atau guru Bimbingan dan Kaunseling kini memikul beban yang berat lantaran berlakunya penularan masalah disiplin pelajar. Selain mempraktikkan kemahiran kaunseling, personal Bimbingan dan Kaunseling perlu berupaya menjadi pemimpin kepada diri